

**SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN
SYARIAH (MS 1900): ANALISIS TADBIR URUS
DAN UNDANG-UNDANG**

TAHIRAH BINTI MOHAMED

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH (MS 1900):
ANALISIS TADBIR URUS DAN UNDANG-UNDANG

TAHIRAH BINTI MOHAMED

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2026

THE SHARIAH-BASED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (MS 1900):
AN ANALYSIS OF GOVERNANCE AND LEGAL FRAMEWORK

TAHIRAH BINTI MOHAMED

THESIS SUBMITTED IN FULFILMENT FOR THE DEGREE OF
MASTER OF LAW

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2026

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

18 April 2026



TAHIRAH BINTI
MOHAMED
P141275



UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07

No. Semakan: 02

Tarikh Kuat Kuasa:
27/01/2026**BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/DISERTASI
SELEPAS PEMBETULAN
FORM AND CHECKLIST OF AMENDED THESIS/DISSERTATION
SUBMISSION****BORANG PENYERAHAN TESIS/DISERTASI YANG TELAH DIBUAT PEMBETULAN
AMENDED THESIS/ DISSERTATION SUBMISSION**

G. PERAKUAN TESIS/ DISERTASI SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (CERTIFICATION OF MASTER'S / DOCTORAL THESIS / DISSERTATION)			
Nama penuh pengarang (Author's Full Name)	TAHIRAH BINTI MOHAMED		
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)	P141275	Sesi Akademik (Academic Session)	2025/2026
Tajuk Tesis / Disertasi (Thesis / Dissertation Title)	SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH (MS 1900): ANALISIS TADBIR URUS DAN UNDANG-UNDANG		
<p>Semua tesis/disertasi dan penerbitan berkaitan hasil penyelidikan pelajar adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia. <i>All theses/ dissertations and publications relating to the research work of a student are subject to the Intellectual Property Policy of Universiti Kebangsaan Malaysia.</i></p> <p>Saya mengaku bahawa tahap akses tesis/disertasi ini sebagai (*Tandakan ✓ dalam kotak bagi maklumat yang berkaitan; tandakan satu (1) kotak di bawah sahaja): <i>I hereby declare the level of access for this thesis/dissertation as follows (tick ✓ the relevant box below; tick only one option).</i></p>			
Pilihan Tahap Akses Access Level Selection		Tafsiran Tahap Akses Tesis/Disertasi Definition of Thesis/Dissertation Access Level	
<input type="checkbox"/>	RAHSIA (CONFIDENTIAL)	Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains classified information as stipulated under the Official Secrets Act 1972.</i>	
<input checked="" type="checkbox"/>	TERHAD (RESTRICTED)	Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan. <i>Contains information that may only be accessed by parties with specific authorization or a defined need to know, as determined by the organization or body where the research is conducted.</i>	
<input type="checkbox"/>	AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS)	Tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan <i>The final version of the thesis/dissertation in PDF format that is freely accessible online and free from copyright and licensing issues.</i>	





UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07

No. Semakan: 02

Tarikh Kuat Kuasa:
27/01/2026**BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/DISERTASI
SELEPAS PEMBETULAN
FORM AND CHECKLIST OF AMENDED THESIS/DISSERTATION
SUBMISSION**

		<p>Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat bertarikh 27 Mac 2025 memutuskan bahawa kebenaran akses tesis / disertasi dalam borang serahan akses terbuka ditentukan oleh penyelia (bukan pelajar).</p> <p><i>The Ministry of Higher Education, through a letter dated 27 March 2025, has decided that permission for thesis / dissertation access in the open access submission form shall be determined by the supervisor (not the student).</i></p>
<input type="checkbox"/>	EMBARGO	<p>Tempoh masa di mana akses kepada tesis/disertasi disekat (ditutup) selama dua (2) tahun atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kerahsiaan atau hak cipta. Tesis/disertasi akan berstatus akses terbuka selepas tamat tempoh embargo.</p> <p><i>The period during which access to the thesis/dissertation is restricted for two (2) years due to specific reasons, such as confidentiality or copyright. The thesis/dissertation will be granted open-access status upon the expiry of the embargo period.</i></p>

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)	PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)
 TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)	 TANDATANGAN PENYELIA / PENERUSI JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)
Nama Pelajar (Student name): No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.) P141275 Tarikh: 23 April 2026 (Date)	Nama Penyelia / SUHAIZAD SAIFUDDIN Pengerusi JK Siswazah : (Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name) Tarikh: 23 April 2026 (Date)

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kajian ini dapat disempurnakan. Jutaan terima kasih kepada penyelia, Dr. Suhaizad Saifuddin yang telah banyak memberi sumbangan intelektual, bimbingan dan sokongan dalam menyiapkan kajian ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada JAKIM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah memberi ruang kepada penyelidik untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana. JPA juga telah memberi sumbangan yang besar kepada penyelidik terutamanya sumbangan sumber kewangan sepanjang penyelidik menyambung pengajian ini. Sesungguhnya, ia amat membantu penyelidik di sepanjang pengajian ini.

Penghargaan juga kepada semua pensyarah, kakitangan Fakulti Undang-Undang dan Perpustakaan Undang-Undang yang telah banyak membantu dalam menghasilkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua informan dalam perkongsian maklumat, pandangan profesional dan pengalaman yang telah mencambahkan maklumat bagi menyiapkan kajian ini. Sumbangan masa dan informasi amatlah dihargai dan berimpak besar kepada penyelidik dalam menyiapkan kajian ini.

Penghargaan yang istimewa buat suami dan keluarga yang telah memberi ruang, doa dan sokongan tanpa syarat. Terima kasih juga buat rakan sepengajian, rakan sejawat dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sumbangan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala bantuan, sokongan dan sumbangan semua pihak.

Semoga kajian ini memberikan manfaat kepada JAKIM khususnya, pembangunan tadbir urus dan ilmu perundangan di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

ABSTRAK

Sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah (MS 1900) adalah piawaian pematuhan bagi pelaksanaan tadbir urus yang berintegriti dan berlandaskan prinsip-prinsip syariah yang diintegrasikan daripada ISO 9001. Pelaksanaan sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah (MS 1900) telah meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Namun demikian, pelaksanaannya dibatasi kekangan dalam tadbir urus dan kolompangan undang-undang berkaitan. Objektif kajian ini bertujuan untuk menilai sistem pengurusan kualiti syariah menurut perspektif syariah dan menganalisis pensijilan MS 1900 dari aspek tadbir urus dan undang-undang. Di samping itu mengenal pasti isu berkaitan dengan pensijilan MS 1900 dari aspek tadbir urus dan undang-undang seterusnya mencadangkan penambahbaikan dari aspek tadbir urus dan undang-undang berkaitan pensijilan MS 1900. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpul daripada sumber primer melalui ayat al-quran, hadis, undang-undang dan temu bual. Temu bual separa berstruktur dilaksanakan dengan enam (6) informan yang mempunyai kepakaran dalam bidang kajian. Manakala sumber sekunder diperolehi daripada buku, artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan lain-lain. Kesemua data dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya kelemahan tadbir urus dalam pelaksanaan pensijilan MS 1900 termasuklah kefahaman standard yang tidak seragam dan ketiadaan badan berwibawa bagi melaksanakan tanggungjawab pengawalseliaan. Ketiadaan peruntukan undang-undang yang jelas telah menjejaskan pengawalseliaan terhadap pihak berkepentingan. Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan supaya tadbir urus diperkukuhkan dan suatu kerangka undang-undang yang khusus diperuntukkan bagi mengawal selia pensijilan MS 1900. Secara keseluruhannya, kajian ini penting bagi memperkukuhkan tadbir urus dan mengadakan punca kuasa yang jelas melalui peruntukan undang-undang supaya pelaksanaannya lebih holistik dan efektif.

ABSTRACT

The Shariah-Based Quality Management System (MS 1900) is a compliance standard derived from ISO 9001 and grounded in Shariah principles and integrity. The implementation of MS 1900 has increased public confidence in the products and services provided. Despite its potential, the effectiveness of this initiative is constrained by governance limitations and legal lacunae within the existing regulatory framework. This study evaluates the Shariah-based quality management system from a Shariah perspective and analyses MS 1900 certification in relation to governance and legal frameworks. The research specifically identifies key issues concerning MS 1900 certification from governance and legal perspectives and proposes recommendations for improvement in these domains. A qualitative research approach was employed. Primary data were gathered through textual analysis of the Qur'an, Hadith, relevant legislation, and semi-structured interviews. Six (6) informants with expertise in the field were interviewed. Secondary data were obtained from scholarly books, journal articles, conference papers, and other relevant publications. All collected data were analyzed using content analysis and descriptive analysis methods. Findings reveal significant governance weaknesses in the implementation of MS 1900 certification, inconsistent interpretation of the standard and the absence of an authoritative regulatory body entrusted with effective oversight responsibilities. Furthermore, the lack of explicit legal provisions has undermined regulatory enforcement and accountability towards stakeholders. Given these findings, the study recommends strengthening governance structures and establishing a dedicated legal framework to regulate and oversee MS 1900 certification. Overall, this study is significant for enhancing governance and establishing a clear legal authority through legislative provision to ensure a more holistic and effective implementation.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
JADUAL TRANSLITERASI	x
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI KES	xiii

BAB I	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	4
	1.3.1 Kelemahan Tadbir Urus Dalam Pensijilan MS 1900	5
	1.3.2. Kelompangan Kerangka Undang-Undang Bagi Penguatkuasaan dan Pengawalan Pensijilan MS 1900	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Sorotan Literatur	9
1.8	Kepentingan Kajian	13
1.9	Metodologi Kajian	14
	1.9.1 Reka bentuk kajian	14
	1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data	14
	1.9.3 Kaedah Analisis Data	16
1.10	Struktur Disertasi	17
1.11	Kesimpulan	19

BAB II	PENGURUSAN KUALITI MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH	
2.1	Pendahuluan	20
2.2	Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah Menurut Perspektif Syariah	21
2.2.1	Pengurusan Kualiti Berdasarkan Kepada <i>Maqasid Syariah</i>	23
2.2.2	Pengurusan Kualiti Mengikut Prinsip <i>al-Siasah al-Syar'iyah</i>	26
2.2.3	Pengurusan Kualiti Mengikut Prinsip <i>Tasarruf al-Imam 'ala al-Ra'yah Manut bi al-Maslahah</i>	28
2.2.4	Pengurusan Kualiti Mengikut Prinsip <i>Sadd Al-Zarā'i'</i>	29
2.3	Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah Yang Mengamalkan Prinsip Hisbah	30
2.3.1	Perkembangan Institusi Hisbah	32
2.4	Tadbir Urus Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah	34
2.5	Kesimpulan	35
BAB III	PENSIJILAN MS 1900 DARI ASPEK TADBIR URUS DAN UNDANG-UNDANG	
3.1	Pendahuluan	37
3.2	Latar Belakang Dan Perkembangan Pensijilan MS 1900	37
3.3	Malaysian Standard 1900 (MS 1900)	42
3.4	Permohonan Persijilan MS 1900	45
3.4.1	Kriteria Permohonan Pensijilan	45
3.4.2	Fasa Pensijilan	47
3.5	Agensi-Agensi Yang Memainkan Peranan Dalam Pelaksanaan Pensijilan MS 1900	56
3.6	Implikasi Pensijilan MS 1900	59
3.7	Punca Kuasa Perundangan Pensijilan MS 1900	62
3.8	Analisis Undang-Undang Pelaksanaan Pensijilan MS 1900	70
3.9	Kesimpulan	73

BAB IV	ISU DAN CABARAN PENSIJILAN MS 1900 DARI ASPEK TADBIR URUS DAN UNDANG-UNDANG	
4.1	Pendahuluan	75
4.2	Analisis Isu Tadbir Urus	76
4.2.1	Kelemahan Tadbir Urus Dalam Pensijilan MS 1900	76
4.2.2	Kefahaman Terhadap Standard MS 1900 Yang Tidak Seragam Di Kalangan Badan Pensijilan dan Pemegang Pensijilan MS 1900	78
4.2.3	Ketiadaan Badan Berwibawa yang Dilantik untuk Mengawal Selia Pensijilan MS 1900	82
4.3	Analisis Isu Undang-Undang	84
4.3.1	Kelompangan Peruntukan Undang-Undang Mengenai Punca Kuasa Pelantikan Badan Berwibawa	84
4.3.2	Kelompangan Kerangka Undang-Undang bagi Pelaksanaan Pensijilan MS 1900	85
4.4	Kesimpulan	89
BAB V	RUMUSAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	
5.1	Pendahuluan	90
5.1.1	Rumusan Dari Aspek Tadbir Urus Pensijilan MS 1900	90
5.1.2	Rumusan Dari Aspek Undang-Undang	92
5.2	Cadangan Penambahbaikan	93
5.2.1	Cadangan Penambahbaikan Kepada Isu Tadbir Urus Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS 1900)	93
5.2.2	Cadangan Penambahbaikan Kepada Isu Undang-Undang Bagi Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah (MS 1900)	99
5.3	Kesimpulan	110
	RUJUKAN	110
	LAMPIRAN	
Lampiran A	Senarai Nama Informan dan Tarikh Temu bual	122

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadis
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	c	عبد	cabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لين	laban
م	m	مزمارة	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبطة	habata
و	w	وصل	wasal
ي	y	يسار	yasar

VOKAL

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
أ ، آ ، إ	A	كاتب ، قاضي	katib, qada
إِ	I	كريم	karim
أُ ، وُ	U	حروف	huruf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
أَوْ	Aw	قَوْل	qawl
أَيَّ	Ay	سَيْف	Sayf
إِيَّ	Iyy	رَجْعِيَّ	raj'iyy, raj'i
أُوَّ	Uww	عُدُوَّ	'aduw, 'adu

Pengecualian

- Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada 'a' bukan kepada 'h'. Contoh: أكبر , transliterasi: *akbar* bukan *'akbar*.
- Huruf Arab ة (ta' marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 't'. Contohnya: وزارة التعليم , transliterasi: *wizarat al-ta'lim*, bukannya *wizarah al-ta'lim*. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta' marbutah ditransliterasikan kepada h.

Contoh

1. المكتبة الأهلية

Transliterasi

al-Maktabah al-Ahliyyah

2. قلعة

Qal'ah

SENARAI SINGKATAN

ISO	International Organization for Standardization
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JSM	Jabatan Standard Malaysia
MKI	Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam
MS	Malaysia Standard
MJM	Mesyuarat Jemaah Menteri
SCCP	<i>Shariah Critical Control Points</i> (Titik Kawalan Kritikal Syariah)
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia



SENARAI KES

JMJ Food & Beverages Sdn Bhd v Mohamad Zukrillah bin Ismail dan lain-lain [2015] MLJU 2088	2
Nik Elin Zurina binti Nik Abdul Rashid, Tengku Yasmin Natasha v Kerajaan Negeri Kelantan PETISYEN NO. BKA-205/2022(D)	2
Atomy Malaysia Sdn Bhd v Firdaus Wong Wai Hung [2022] MLJU 745	5-7



BAB I

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Sistem pengurusan kualiti merupakan suatu elemen yang menilai tahap keberkesanan operasi dalam sesebuah organisasi. Peranannya yang signifikan dalam memastikan keselarasan operasi organisasi selaras dengan objektif yang disasarkan, sekaligus pemangkin kepada kecekapan dalam pengurusan. Ia turut menyumbang kepada penghasilan produk yang berkualiti dan berkemampuan dalam memberikan perkhidmatan yang optimum. Sistem pengurusan kualiti ini akan mengukuhkan tadbir urus melalui amalan integriti, akauntabiliti dan profesionalisme.

Dalam konteks Malaysia, Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah membangunkan sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah yang diterjemahkan melalui pensijilan MS 1900. Ia adalah langkah strategik yang memperkukuhkan tadbir urus dalam sesebuah organisasi dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip syariah dalam sistem pengurusan kualiti tersebut. Sistem pengurusan kualiti yang menggabungkan teknikaliti dan prinsip-prinsip syariah ini menawarkan paradigma sistem pengurusan yang lebih holistik. Ia berfungsi sebagai kerangka operasi yang tersusun dalam tadbir urus sesuatu organisasi dan juga memupuk komitmen terhadap nilai-nilai kemanusiaan.

Bab ini menghurai permasalahan berbangkit yang mendorong kajian ini dilaksanakan, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, sorotan literatur yang menjadi rujukan kajian dan kepentingan kajian ini dibuat. Bab ini juga menjelaskan metodologi kajian yang dibuat bagi mendapatkan gambaran dan maklumat mengenai rasional kajian ini dalam tadbir urus dan undang-undang negara.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kejayaan sesebuah organisasi dipengaruhi tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti yang dilaksanakan. Asas kepada sistem pengurusan kualiti ialah tadbir urus yang kukuh dan perancangan strategik yang sistematik serta keupayaan dalam mengurus risiko. Keberkesanan dan keupayaan dalam mengatur strategi lahir daripada penggabungan kepakaran, kecekapan pimpinan, pengoptimumkan sumber tenaga dan pemanfaatan aset.¹ Kepimpinan yang berkualiti berkemampuan mendorong ahli pasukan atau anggota organisasinya mencapai sesuatu objektif sebagaimana yang telah ditetapkan.²

Pengurusan kualiti merupakan faktor utama yang memacu organisasi ke arah mencapai matlamat yang dikehendaki dengan cara membantu organisasi untuk menjadi lebih kompetitif melalui peningkatan prestasi operasi.³ Kesiediaan untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan bagi memenuhi kehendak pelanggan turut menjadi asas utama bagi mencapai kecemerlangan tadbir urus dalam sesuatu organisasi. Hasilnya, produk dan perkhidmatan yang diberikan boleh mencapai tahap yang optimum dan selari dengan ekspektasi pelanggan.

Kualiti dalam pengurusan berkait rapat dengan norma, kepercayaan dan keyakinan yang bertindak sebagai penggerak yang menentukan perlakuan, tindakan dan memberi impak positif kepada sesuatu perkhidmatan dan organisasi. Kualiti adalah sesuatu yang diinginkan dan dapat dibanggakan.⁴ Oleh itu kualiti bukan hanya sekadar satu piawaian tetapi juga berperanan membentuk tingkah laku dan membudayakan nilai-nilai murni dalam sesuatu tadbir urus.

¹ Muhammad Umar Riaz Abbasi, 'A conceptual framework for management in the light of islamic perspective: an analytic study' (2022) 4(1) *Pakistan Journal of Islamic Philosophy*, hlm 36.

² Ahmad Fadzli Yusof. 2007. *Mengurus Kerja Berpasukan*, PTS Millenia Sdn. Bhd., hlm. 66.

³ Firman Shakti Firdaus, Muhammad Nasri Md. Hussain, Mohd Norhasni Mohd Asaad & Rushami Zien Yusoff. 'Quality management concept based on islamic worldview' (2015) 1(2) *International Academic Research Journal of Business and Technology*, hlm 208.

⁴ Edward Sallis. 2002. *Total Quality Management in Education*, Routledge, Edisi Ketiga, hlm 1.

Dalam konteks pengurusan kualiti ini, *International Organization for Standardization* (ISO) merupakan sebuah pertubuhan di peringkat antarabangsa telah memperkenalkan ISO 9001. ISO 9001 adalah penyelarasan prinsip-prinsip tadbir urus berlandaskan piawaian dan objektif yang strategik dengan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran, penyebaran inovasi dan amalan terbaik dalam semua jenis perkhidmatan di peringkat antarabangsa.⁵ ISO adalah badan standard yang telah membangunkan pelbagai piawaian yang merentasi pelbagai sektor.⁶ Piawaian yang dibangunkan oleh ISO tersebut menjadi rujukan universal dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kepentingan sistem pengurusan kualiti adalah pelengkap kepada keperluan untuk memperkukuhkan keupayaan dalam pengeluaran produk dan kecekapan dalam perkhidmatan.⁷ Oleh itu, mana-mana organisasi yang telah memenuhi kriteria pengurusan yang berkualiti akan memperoleh pensijilan ISO 9001.⁸

Namun begitu, bagi konteks negara Malaysia, pendekatan kepada sistem pengurusan kualiti tidak tertakluk kepada aspek teknikaliti sahaja. Sebaliknya, penekanan juga kepada pendekatan sistem yang holistik dengan mengintegrasikan prinsip syariah dalam pengurusan kualiti tersebut. Pendekatan tersebut telah mendorong Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, mantan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia dan SIRIM Berhad mencadangkan satu sistem pengurusan kualiti syariah melalui satu jawatankuasa yang dilantik iaitu Jawatankuasa Standard Industri bagi Standard Halal (*Industry Steering Community*) pada tahun 2005.⁹ Beliau berpandangan walaupun telah dibangunkan sistem pengurusan kualiti yang terancang dan teratur dalam ISO 9001,

⁵ Stephanie Jilmakers, *The international organization for standardization, A Seventy-Five Year Journey Toward Organizational Resilience*, Online Cambridge University Press: 27 July 2023 via <https://www.cambridge.org/core/books>, (7 Jun 2025) hlm 261.

⁶ Noor Shuhadawati Mohamad Amin, Noriah Ramli & Majdah Zawawi, 'Harmonising international legal frameworks and shariah principles in the context of medical tourism: an analysis' (2023) 31(2) *IIUM Law Journal*, hlm 78.

⁷ Malaysia Standard. 2017. *MS ISO 9001:2015, Sistem Pengurusan Kualiti- Keperluan, Semakan Kedua*, Jabatan Standard Malaysia, hlm v.

⁸ Ilhamie binti Abdul Ghani Azmi, 'Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM): Satu perbandingan antara prinsip konvensional dan Islam' (2022) 10(2) *Jurnal Syariah*, hlm 76-77.

⁹ Siti Arni Basir, Muhammad Firdaus Zakaria &, Hasan Al-Banna Mohamed, 'Pencapaian maqasid syariah melalui pelaksanaan, sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah MS 1900: kajian kes di pusat zakat Melaka' (2021) 18:2 *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, hlm 41.

tetapi ada beberapa perkara yang tidak selari dengan syariah.¹⁰

Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah merealisasikan satu sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah melalui manual standard 1900 (MS 1900). Malaysian Standard merupakan standard kebangsaan yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Standard (SDC) melalui Sistem Pembangunan Malaysian Standard yang diselaraskan oleh JSM. Standard tersebut melalui pengesahan dan diluluskan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri sebelum diterima pakai sebagai piawaian kebangsaan.

Pembangunan standard yang dibangunkan termasuklah MS 1900 adalah berlandaskan kepada Akta Standard Malaysia 1996 [*Akta 549*].¹¹ Malaysia Standard (MS) yang pertama diperkenalkan ialah MS 1900:2005 (Sistem Pengurusan Kualiti – Keperluan Menurut Perspektif Islam) yang bermatlamat untuk mempromosikan kepatuhan syariah dalam prosedur pengurusan sesebuah organisasi dengan penekanan pada penghayatan prinsip murni, nilai atau moral yang *mahmudah* dengan mengamalkan integriti, jujur, penuh komited, amanah, dan beramanah.¹²

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini mengenal pasti permasalahan berkaitan pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan dalam mengawal selia tadbir urus. Kajian juga mendapati terdapat kelompangan peruntukan undang-undang berkenaan dengan punca kuasa kepada pemantauan dan penguatkuasaan dalam pelaksanaan pensijilan MS 1900 secara berkesan. Perincian permasalahan adalah seperti berikut:

¹⁰ Muhammad Hisyam Mohamad & Fadilah Mansor, 'A conceptual study on shariah compliance on risk mitigation of ms 1900- certified companies' (2018) 11 TAFHIM-IKIM : *Journal of Islam and the Contemporary World* 11, hlm 123.

¹¹ www.jsm.gov.my (2 Mei 2025)

¹² Siti Arni Basir, Muhammad Firdaus Zakaria &, Hasan Al-Banna Mohamed, 'Pencapaian Maqasid Syariah melalui pelaksanaan, sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah MS 1900: kajian kes di pusat zakat Melaka (2021) 18:2 *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, hlm 42.

1.3.1 Kelemahan Tadbir Urus Dalam Pensijilan MS 1900

Kelemahan tadbir urus adalah kerana ketiadaan pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan dalam mengawal selia tadbir urus pensijilan MS 1900. Keadaan tersebut merisikokan ketidakpatuhan kepada prinsip-prinsip syariah dalam pelaksanaan pensijilan MS 1900.

Pensijilan MS 1900 adalah merupakan satu piawaian yang berkaitan dengan sistem pengurusan kualiti yang berasaskan kepada syariah. Oleh itu, perkara yang melibatkan syariah adalah isu sensitif kerana melibatkan pematuhan terhadap prinsip-prinsip syariah. Kelemahan terhadap kawal selia terhadap merupakan isu kritikal yang boleh menjejaskan kredibiliti pensijilan MS 1900 sebagaimana terdapat kes pensijilan MS 1900 telah diberikan kepada Syarikat Atomy yang telah diputuskan dalam Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) berurus niaga dengan syarikat yang boleh memberi kesan dan ancaman secara halus kepada akidah umat Islam.¹³ Kes tersebut telah menimbulkan polemik dalam masyarakat. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerima komen negatif dan kritikan kerana tidak menarik balik pensijilan syarikat yang telah memperolehi pensijilan MS 1900 tersebut.¹⁴ Namun begitu, JAKIM tiada kuasa untuk menarik balik pensijilan MS 1900.

Selain itu juga, kajian mendapati pemegang pensijilan bergelut dengan cabaran apabila kekurangan ilmu pengetahuan yang akan merumitkan lagi pelaksanaan sistem pengurusan kerana kekurangan pakar yang benar-benar memahami prinsip syariah dan penerapan yang setepatnya dalam konteks pengurusan kualiti.¹⁵ Melalui kajian-kajian terkini yang dijalankan mendapati setiap organisasi yang memperoleh pensijilan MS

¹³ Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali ke 120 yang bersidang pada 26 Ogos 2022.

¹⁴ Temu bual Mahyiddin bin Shari@Aziz, Pengarah Bahagian Halal, JAKIM, Bahagian Halal, JAKIM, Putrajaya, 27 Ogos 2025.

¹⁵ Hasan Al-Banna Mohamed, Ummul Fahri Abdul Rauf, Wan Yusmawati Wan Yusoff & Norzaura Abd Rahman, 'Cabaran kelestarian dalam pelaksanaan piawaian sistem pengurusan kualiti: satu pengalaman di sebuah universiti berfokus' (2024) 12(4) *Journal of Business and Social Development*, hlm 23-24.

1900 masing-masing dengan gaya tersendiri atau kaedah *'try and error'*.¹⁶ Kekurangan kepakaran dalam memahami prinsip syariah di kalangan pihak yang terlibat akan menjejaskan ketepatan dalam proses pengauditan terutamanya dalam audit bagi memastikan pematuhan yang tepat sebagaimana yang ditetapkan.

Permasalahan ini tidak boleh dipandang ringan, kerana perkembangan semasa menunjukkan peningkatan agensi dan pemain industri yang memperkukuhkan daya saing dengan mendapatkan pensijilan MS 1900.¹⁷ Maka, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang kajian terdahulu yang tidak menyentuh secara khusus berkenaan dengan aspek pengawalseliaan.

1.3.2 Kelompangan Peruntukan Undang-Undang Berkenaan Punca Kuasa Pelaksanaan Pensijilan MS 1900

Kelompangan legitimasi perundangan melemahkan pengawalseliaan pensijilan MS 1900 secara berkesan.¹⁸ Ia disebabkan ketiadaan kuasa autoritatif yang jelas terhadap pelaksanaan pensijilan tersebut. Pensijilan MS 1900 merupakan satu sistem kualiti yang menekankan prinsip kejujuran, akauntabiliti dalam setiap proses pentadbiran, organisasi, perkhidmatan dan produk yang dikeluarkan. Dalam konteks tersebut, wujud risiko memanipulasi pensijilan sekiranya tiada kawalan dan pengawasan terhadap pensijilan MS 1900.

Terdapat kemungkinan pemain industri mendakwa syarikatnya telah mengamalkan sistem pengurusan berkualiti berasaskan syariah sedangkan ia hanyalah satu taktik pemasaran demi mengaut keuntungan.¹⁹ Kes sebegini pernah dilaporkan

¹⁶ Hasan Al-Banna Mohamed, Azmi Ahmad, Wan Norhasniah Wan Husina, Siti Arni Basir, Burhanuddin Jalala, Mohd Hamran Mohamad & Sayuti Ab Ghani, 'Hubungan antara penghayatan nilai integriti dengan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti MS1900 di institusi pengajian tinggi swasta, Malaysia (2020) *Journal Of Defence Management, Social Science & Humanities*, edisi 4, hlm 38.

¹⁷ Temu bual Mahyiddin bin Shari@Aziz, Pengarah Bahagian Halal, JAKIM, Bahagian Halal, JAKIM, Putrajaya, 27 Ogos 2025.

¹⁸ Temu bual Mahyiddin bin Shari@Aziz, Pengarah Bahagian Halal, JAKIM, Bahagian Halal, JAKIM, Putrajaya, 27 Ogos 2025.

¹⁹ Temu bual Mahyiddin bin Shari@Aziz, Pengarah Bahagian Halal, JAKIM, Bahagian Halal, JAKIM, Putrajaya, 27 Ogos 2025.

sebagaimana dalam kes *Shake and Bake Cafe Sdn Bhd* yang membekalkan 366 sandwich pelbagai jenis di sebuah kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) didakwa di dua Mahkamah Sesyen atas 12 tuduhan menggunakan logo halal palsu supaya makanan itu boleh dimakan orang Islam dengan cara bertentangan dengan Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.²⁰

Dalam konteks sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah (MS 1900) ini, ketiadaan perundangan yang jelas berkenaan dengan pensijilan MS 1900 menjadikannya tidak bersifat satu mandatori. Oleh itu ia mendedahkan kepada implikasi kritikal kerana kelemahan dalam penguatkuasaan, pematuhan dan pemeliharaan prinsip-prinsip syariah dalam pelaksanaan pensijilan MS 1900.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk menganalisis pelaksanaan pengurusan kualiti berasaskan syariah dari aspek tadbir urus dan undang-undang dengan sasaran utama kepada pelaksanaan pengawalseliaan, legitimasi pengawalan dan pengawasan terhadap pensijilan MS 1900.

Manakala objektif khusus bagi kajian ini akan menumpukan kepada objektif berikut:

- (a) Menilai sistem pengurusan kualiti menurut perspektif syariah;
- (b) Menganalisis pensijilan MS 1900 dari aspek tadbir urus dan undang-undang semasa;
- (c) Mengenal pasti isu pensijilan MS 1900 dari aspek tadbir urus dan undang-undang; dan
- (d) Mencadangkan penambahbaikan dari aspek tadbir urus dan undang-undang berkaitan pensijilan MS 1900.

²⁰ <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1353164/pembekal-sandwic-ham-di-um-didakwa-guna-logo-halal-palsu> (24 Januari 2025).

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan merungkaikan pelbagai persoalan yang berbangkit seperti berikut:

- (a) Bagaimanakah sistem pengurusan kualiti menurut perspektif syariah?
- (b) Sejauh manakah pensijilan MS 1900 ditadbir dan undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan pensijilan MS 1900?
- (c) Apakah isu-isu yang berkaitan dengan pensijilan MS 1900 dari aspek tadbir urus dan undang-undang?
- (d) Apakah cadangan penambahbaikan bagi memperkukuhkan pensijilan dari aspek tadbir urus dan undang-undang?

1.5 SKOP KAJIAN

Berikut adalah skop kajian ini:

- (a) Kajian ini merangkumi kajian mendalam tentang konsep pensijilan MS 1900, yang menggabungkan prinsip-prinsip syariah dalam sistem pengurusan kualiti. Ini termasuk analisis terhadap objektif dan elemen-elemen penting dalam pensijilan MS 1900. Manakala sistem pengurusan kualiti konvensional tidak termasuk dalam kajian ini seperti MS ISO 9000 dan MS ISO 9001:2015.²¹
- (b) Skop kajian akan memberi tumpuan kepada aspek tadbir urus pengurusan kualiti berasaskan syariah (MS 1900). Khususnya, kajian kepada aspek kawal selia, mekanisme pelaksanaan, pengawalan dan penguatkuasaan bagi menjaga kredibiliti pensijilan MS 1900 agar prinsip-prinsip syariah tetap terpelihara. Agensi yang terlibat seperti JSM dan SIRIM juga adalah dalam ruang lingkup perbincangan dalam kajian ini.
- (c) Kajian ini akan membincangkan rangka kerja undang-undang sedia ada yang mengatur dan mentadbir pensijilan MS 1900. Analisis akan menilai peruntukan

²¹ <https://www.smeinfo.com.my/pensijilan/jenis-jenis-pensijilan/> (23 Disember 2025)

dalam Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 589] dalam menjalankan fungsi pengawalseliaan dan pengawalan pensijilan MS 1900. Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] juga akan diteliti samada wujud keperluan untuk membuat pindaan kepada Akta tersebut bagi menambahbaik pelaksanaan pensijilan MS 1900. Kajian ini juga mencadangkan penambahbaikan dari sudut tadbir urus sedia ada dan kerangka undang-undang untuk memastikan kredibiliti pensijilan MS 1900 terpelihara melalui pengawalseliaan yang berkesan, penguatkuasaan dan penyediaan latihan yang bersepadu.

1.6 SOROTAN LITERATUR

Pengurusan kualiti berasaskan syariah adalah satu sistem yang menekankan kecemerlangan dan pengurusan risiko dalam operasinya tetapi pelaksanaannya hendaklah selari dengan undang-undang syariah dan fatwa, badan berkepentingan statutori dan perundangan. Malah mementingkan penjagaan dalam *Maqasid Syariah* dalam setiap operasinya. Rentetan itu, JSM telah mewujudkan satu piawaian pensijilan MS 1900 sebagai satu instrumen yang menyepadukan pengurusan ISO 9001 dengan memasukkan prinsip-prinsip syariah di dalamnya.

Kajian kepada pengurusan kualiti berasaskan syariah adalah signifikan bagi melihat keberkesanan pelaksanaannya secara holistik. Namun begitu, kajian sebelum ini menumpukan kepada kepentingan pengurusan kualiti syariah dan keberkesanan kepada pensijilan MS 1900:2014 dalam organisasi dan institusi masing-masing.

Umami Salwa Ahmad Bustamam, Hasrin Abu Hassan dan Hisham Sabri dalam kajian yang bertajuk *Incorporating the Shariah-Based Quality Management Standard MS1900:2014 Into Cooperatives: Another Growth Strategy?* menyatakan pelaksanaan MS 1900:2014 telah meningkatkan prestasi organisasi perniagaan. Kajian ini melibatkan lapan (8) buah koperasi yang dalam senarai 100 koperasi yang terbaik dalam tahun 2022. Namun begitu, tiada satupun antara koperasi tersebut telah mendapat pensijilan MS 1900:2014. Amalan semasa koperasi yang terlibat dalam kajian ini mendapati telah melaksanakan penggunaan produk perbankan Islam, penyediaan kemudahan solat dan mengadakan program kesejahteraan yang selari dengan kriteria dalam pensijilan MS 1900. Namun begitu, tiada koperasi yang memperoleh pensijilan

MS 1900. Ia menunjukkan kelemahan terhadap tahap kesedaran tentang kepentingan dan sokongan mendapatkan pensijilan tersebut ke arah ekonomi mampan.²² Kajian tersebut menunjukkan jurang tentang mekanisme sokongan terhadap permohonan pensijilan MS 1900 dan kepentingan pengawalseliaan bagi memastikan ketepatan dalam pelaksanaan prinsip-prinsip syariah dengan mengekalkan integriti pensijilan.

Manakala kajian yang telah dilaksanakan oleh Hasan Al-Banna Mohamed, Ummul Fahri Abdul Rauf, Wan Yusmawati Wan Yusoff dan Norzaura Abd Rahman yang bertajuk Cabaran Kelestarian Dalam Pelaksanaan Piawaian Sistem Pengurusan Kualiti: Satu Pengalaman Di Sebuah Universiti Berfokus menunjukkan bahawa institusi tersebut telah mendapat pensijilan SPK MS 1900 daripada SIRIM QAS *International*. Kajian tersebut menyatakan bahawa pelaksanaan pensijilan MS 1900 merupakan amalan terbaik dan wajar dicontohi oleh organisasi lain. Ia adalah usaha kolaboratif dan semangat waja semua pihak yang menjadikan nilai teras, iaitu tanggungjawab, maruah dan integriti sebagai satu amalan dan budaya kecemerlangan dalam pekerjaan seharian mereka. Pelbagai kejayaan telah dicapai setelah memperoleh pensijilan tersebut. Namun begitu dalam dapatan kajian tersebut telah menggariskan salah satu cabaran iaitu tiada panduan yang praktikal dan jelas kepada pekerja untuk melaksanakannya dalam organisasi masing-masing. Tambahan lagi kurangnya kesedaran terhadap kepentingan pensijilan MS 1900. Lantaran itu, universiti tersebut telah mengambil langkah dengan semua program atau aktiviti kualiti perlu dimasukkan dalam program orientasi pekerja baharu dan program pengukuhan pekerja.²³ Berdasarkan kepada kajian tersebut didapati jurang kajian adalah kepentingan garis panduan yang jelas perlu disediakan oleh satu badan berwibawa yang berkepakaran bagi memberi kefahaman, kesedaran dan keseragaman kefahaman kepada semua pihak bagi mengelakkan kekeliruan terhadap MS 1900.

²² Umami Salwa Ahmad Bustamam, Hasrin Abu Hassan & Hisham Sabri, 'Incorporating the shariah-based quality management standard MS1900:2014 into cooperatives: another growth strategy?', (2025) 13(1) *Journal of Entrepreneurship and Business*, hlm 97.

²³ Hasan Al-Banna Mohamed, Ummul Fahri Abdul Rauf, Wan Yusmawati Wan Yusoff & Norzaura Abd Rahman, 'Cabaran kelestarian dalam pelaksanaan piawaian sistem pengurusan kualiti: satu pengalaman di sebuah universiti berfokus' (2024) 12(1) *Journal of Business and Social Development*, hlm 27-28.

Di samping itu Nur Fatin Nabilah Shahrom dan Siti Arni Basir dalam kajiannya yang bertajuk Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syariah MS 1900: Pelaksanaan Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka menjelaskan Mahkamah Syariah Negeri Melaka (MSNM) adalah mahkamah syariah yang terawal memperoleh pensijilan MS 1900. MSNM telah menyenaraikan 13 langkah bagi memperoleh MS 1900. Kajian tersebut juga menekankan akan keperluan kepada audit dalaman yang dibuat oleh MSNM bagi menilai sejauhmana pematuhan kepada pensijilan sebelum pengauditan oleh pihak SIRIM.²⁴ Merujuk kepada penulisan tersebut, tiada rujukan kepada mana-mana undang-undang atau garis panduan khusus untuk pelaksanaan pensijilan MS 1900.

Seterusnya kajian oleh Siti Arni Basir, Hasan Al-Banna Mohamed dan Muhammad Firdaus Zakaria yang bertajuk Pencapaian Maqasid Syariah Melalui Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS1900: Kajian Kes Di Pusat Zakat Melaka. Kajian tersebut menjelaskan pelaksanaan MS 1900 telah memberikan impak positif dan inovasi dengan memastikan pengagihan zakat dapat diagihkan dengan adil dan telus. Ia adalah selaras dengan prinsip *Maqasid Syariah* iaitu menjaga harta. Ia juga dapat mengelakkan daripada penyalahgunaan wang zakat. Terdapat cabaran dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti syariah iaitu kekurangan orang yang pakar dalam prinsip syariah, kekurangan infrastruktur yang mencukupi dan kekangan kewangan yang menghalang pemantauan dan pengauditan yang berterusan. Kajian tersebut mencadangkan penubuhan satu jawatankuasa Panel atau Penasihat Syariah. Ia berperanan dalam memastikan kesemua proses yang terlibat dalam skop pelaksanaannya sentiasa mematuhi keperluan-keperluan syariah.²⁵ Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak mencadangkan kepentingan pelantikan badan berwibawa bagi mengawalselia pensijilan MS 1900 bagi memastikan pematuhan kepada pensijilan MS 1900.

²⁴ Nur Fatin Nabilah Shahrom & Siti Arni Basir, 'Sistem pengurusan kualiti berteraskan syariah MS 1900: pelaksanaan di mahkamah syariah negeri melaka (2021) 6(1) *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, hlm 117-121.

²⁵ Siti Arni Basir, Hasan Al-Banna Mohamed & Muhammad Firdaus Zakaria, 'Pencapaian maqasid syariah melalui pelaksanaan sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah MS1900: kajian kes di pusat zakat melaka' (2021) 18:2 *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, hlm 41-43.

Dalam kajian lain yang ditulis oleh Hasan Al-Banna Mohamed, Azmi Ahmad, Wan Norhasniah Wan Husina, Siti Arni Basir, Burhanuddin Jalala, Mohd Hamran Mohamad dan Sayuti Ab Ghani yang bertajuk Hubungan Antara Penghayatan Nilai Integriti Dengan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti. Kajian tersebut mendapati institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia menggunakan gaya tersendiri atau kaedah 'try and error' yang menyebabkan wujudnya permasalahan dalam melaksanakan pensijilan dalam kalangan warga organisasi. Namun begitu, nilai integriti yang dilaksanakan berdasarkan kepada perspektif Islam mampu memberi impak kepada organisasi serta boleh mempengaruhi kepuasan bekerja. Lantaran itu, kajian tersebut mencadangkan pemimpin dan pengurus hendaklah memberi tumpuan kepada nilai integriti bagi memastikan pelaksanaan dapat dilaksanakan secara efektif.²⁶ Terdapat jurang dalam kajian tersebut kerana tiada cadangan akan kepentingan pelantikan satu badan berwibawa bagi memberikan bimbingan dan latihan dalam pelaksanaan pengurusan kualiti agar semua pihak memahami dengan jelas tentang prinsip-prinsip syariah dalam pensijilan MS 1900.

Berdasarkan kepada kajian terdahulu berkenaan sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah (MS 1900) mendapati secara umumnya kajian tersebut menumpukan kepada implikasi pensijilan, cabaran dan persepsi industri terhadap pensijilan tersebut. Kajian-kajian terdahulu kurang menjurus kepada dua (2) aspek iaitu tadbir urus secara keseluruhannya dan perundangan. Khususnya signifikannya keperluan badan yang berwibawa bagi memberi kefahaman, kesedaran, penyelarasan, pengawalan dan pengawasan terhadap pelaksanaan pensijilan MS 1900.

Oleh yang demikian, kebaruan dalam kajian ini menumpukan kepada analisis kepada dua (2) aspek iaitu tadbir urus dan undnag-undang berkenaan dengan pensijilan MS 1900. Kajian ini juga merujuk kepada versi Malaysia Standard yang terbaharu yang telah melalui fasa penambahbaikan iaitu MS 1900:2025.²⁷ Sehubungan

²⁶ Hasan Al-Banna Mohamed, Azmi Ahmad, Wan Norhasniah Wan Husina, Siti Arni Basir, Burhanuddin Jalala, Mohd Hamran Mohamad & Sayuti Ab Ghani, 'Hubungan antara penghayatan nilai integriti dengan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti MS1900 di institusi pengajian tinggi swasta, Malaysia' (2020) 4 *Journal Of Defence Management, Social Science & Humanities*, hlm 40.

²⁷ <https://mysol.jsm.gov.my/> (23 Disember 2025)

itu, kajian ini menekankan akan keperluan kepada sistem tadbir urus yang baik dan mekanisme perundangan bagi memastikan semua pihak yang berkepentingan mematuhi prinsip-prinsip yang ditetapkan secara efektif bagi mengelakkan wujudnya sebarang eksploitasi kepada pensijilan MS 1900. Selain itu juga, kajian ini juga menekankan akan kepentingan pelantikan badan berwibawa bagi memastikan pelaksanaan pensijilan MS 1900 secara holistik, konsisten dan efektif.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah signifikan dalam memberikan sumbangan terhadap perkara berikut:

- (a) Sumbangan kajian kepada ilmu pengetahuan kerana kajian ini adalah kajian baharu iaitu menganalisis pengurusan kualiti berasaskan syariah (MS 1900) dari dari aspek tadbir urus dan undang-undang. Kajian ini belum diterokai secara khusus oleh mana-mana penyelidik lain.
 - (b) Kajian ini berpotensi untuk menjadi rujukan kepada agensi yang terlibat atau pemegang taruh berkenaan dengan pematuhan oleh badan pensijilan dan pemegang terhadap pensijilan MS 1900.
 - (c) Kajian ini juga penting bagi mengenal pasti permasalahan dan isu berkaitan dengan tadbir urus dan undang-undang. Seterusnya, dapatan kajian boleh membantu agensi atau pemegang taruh untuk menilai semula keberkesanan dan mekanisme sedia ada dalam pelaksanaan pensijilan MS 1900. Kajian ini membantu memperkemaskan pensijilan MS 1900 yang bersifat sukarela dan tiada obligasi undang-undang kepada satu pengawalseliaan yang mempunyai kuatkuasa undang-undang.
-

1.8 METODOLOGI KAJIAN

1.9.1 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian adalah satu kaedah yang unik bagi menambahkan asas pengetahuan dan pelbagai cara.²⁸ Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data mengenai pandangan, persepsi, dan pengalaman pihak berkepentingan yang terlibat dalam pensijilan MS 1900. Pendekatan ini sesuai kerana ia membolehkan penyelidik memahami secara mendalam isu tadbir urus dan isu-isu perundangan bagi pensijilan MS 1900. Asas kepada kefahaman pendekatan kajian kualitatif adalah setiap patah perkataan merupakan maklumat, dikumpul serta dianalisis dengan pelbagai kaedah.²⁹ Oleh itu, kaedah kualitatif adalah bersesuaian dengan kajian ini kerana melibatkan pelbagai bahan yang dikaji termasuklah temu bual, pemerhatian dan analisis data bagi menyokong kajian dalam analisis tadbir urus serta perundangan sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah ini.³⁰

1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

(a) Kajian Perpustakaan

Salah satu kaedah dalam pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui kajian perpustakaan yang merupakan pendekatan utama bagi mendapatkan maklumat kajian yang dijalankan ini. Kaedah ini melibatkan pencarian maklumat terhadap bahan-bahan ilmiah yang sahih dan dokumen perundangan yang berkaitan dengan skop kajian.³¹ Kajian perpustakaan seperti buku, statut undang-undang, kitab, jurnal artikel dan laman sesawang yang berkaitan. Data yang diperolehi daripada perpustakaan adalah di

²⁸ Ramlan Mustapha & Ghazali Darusalam. 2022. *Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan Dalam Penyelidikan Kontemporari*, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, hlm 13.

²⁹ Braun, Virginia & Clarke. 2013. *Successful Qualitative Research: A Practical Guide For Beginners*, Los Angeles: SAGE Publications, hlm 2.

³⁰ John W. Creswell. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 3th ed., Thousand Oaks: Sage Publications, hlm. 22.

³¹ Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education, Edisi Ke 2, hlm. 30–31.

Perpustakaan Undang-Undang dan Perpustakaan Tun Sri Lanang. Kedua-dua perpustakaan tersebut adalah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Seterusnya, kajian perpustakaan juga dibuat di Perpustakaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dalam skop kajian ini, sumber primer adalah Akta Standard Malaysia, Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah halal, Manual Standard dan dokumen-dokumen berkaitan MS 1900. Analisis dokumen tersebut memberikan gambaran tentang rangka kerja dalam tadbir urus dan undang-undang yang menyokong atau membatasi pelaksanaan dalam konteks MS 1900.³² Selain itu, penyelidik turut merujuk kepada sumber primer lain seperti al-Quran, as-Sunnah dan kaedah-kaedah fiqh bagi meneliti asas kepada sistem pengurusan daripada perspektif syariah. Rujukan yang dibuat adalah penting bagi memastikan analisis yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah yang diiktiraf. Manakala sumber sekunder adalah melalui buku, jurnal, laporan persidangan dan penerbitan berkaitan bagi menyokong pengumpulan data dan memperkukuhkan kajian ini.

Kajian ini juga turut memperolehi data daripada pangkalan maklumat Gemilang UKM, laman rasmi SIRIM, laman rasmi JSM dan laman web lain yang relevan. Penggunaan sumber-sumber ini membolehkan penyelidik mengakses dokumen standard, garis panduan teknikal, laporan rasmi dan bahan rujukan berkaitan yang diperlukan bagi menyokong analisis kajian secara komprehensif. Pendekatan perpustakaan ini dapat membantu dalam membuat analisis antaranya dengan merujuk kepada literatur yang terdahulu dengan mengenal pasti kelemahan dan kelompangan yang wujud. Seterusnya, kajian ini dibuat bagi mengisi jurang kajian sedia ada. Penganalisaan yang dibuat seterusnya membantu dalam membuat rumusan dalam skop tadbir urus dan undang-undang sebagaimana skop kajian ini.

(b) Temu bual Separa Berstruktur:

Kaedah temu bual merupakan satu pendekatan kajian yang membolehkan data

³² Nuraisyah Chua Abdullah. 2018. *Legal Research Methodology*, Sweet & Maxwell, Thomsom Reuters Asia Sdn. Bhd., Malaysia hlm 155-156.

diperoleh secara langsung daripada informan yang dipilih.³³ Kajian ini mengaplikasikan kaedah temu bual separa berstruktur yang dilaksanakan secara fizikal dan secara dalam talian berdasarkan kepada kesesuaian informan. Seramai enam (6) informan yang terdiri daripada dua (2) pegawai JAKIM, Jabatan Standard Malaysia, SIRIM, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) dan Jabatan Peguam Negara. Informan yang dipilih adalah berdasarkan kepakaran dan peranan mereka dalam bidang masing-masing terhadap keperluan kepada pensijilan, pentadbiran kualiti syariah dan tadbir urus berasaskan syariah (sila rujuk lampiran A). Temu bual ini akan membantu mendapatkan pandangan mendalam mengenai keperluan dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan MS 1900 khususnya dalam tadbir urus dan undang-undang.

1.9.3 Kaedah Analisis Data

(a) Analisis Kandungan:

Analisis kandungan diaplikasikan untuk menilai data daripada dokumen dan temu bual. Analisis data yang dilakukan membuat dengan penafsiran kepada bukti yang boleh dipercayai.³⁴ Keadaan ini akan melibatkan pengkategorian tema utama yang berkaitan dengan tadbir urus dan undang-undang.³⁵ Dapatan daripada kajian ini dianalisis dengan memastikan isu dan cabaran yang berbangkit diberikan cadangan penyelesaian.

(b) Analisis tematik

Analisis tematik ini adalah berpandukan fasa-fasa untuk mengenal pasti tema-tema utama dengan pengekodan dan pengkategorian yang mendasari isu jurang kawal selia dan undang-undang dalam pelaksanaan pensijilan MS 1900.³⁶ Susunan fasa juga dibuat

³³ Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 237.

³⁴ Nuraisyah Chua Abdullah. 2018. *Legal Research Methodology*, Selangor: Sweet & Maxwell, hlm. 204.

³⁵ Nuraisyah Chua Abdullah. 2018. *Legal Research Methodology*, Selangor: Sweet & Maxwell, hlm. 203-204.

³⁶ Victoria Clarke & Virginia Braun, 'Thematic analysis' (2017) 12:3 *The Journal of Positive Psychology*, hlm 297-298.

dengan mengkategorikan mengikut objektif yang ditetapkan bagi memastikan kajian adalah berfokus. Kemudiannya, proses transkripsi terhadap keterangan informan dan hubungannya dengan setiap tema yang telah dikategorikan. Kemudiannya tema tersebut membentuk kerangka yang akan menjawab objektif kajian.

(c) Triangulasi data

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, beberapa langkah telah diambil bagi memperkukuhkan dapatan. Kajian ini menggunakan kaedah triangulasi data dengan membandingkan maklumat yang diperoleh daripada temu bual informan dengan dokumen rasmi seperti standard MS 1900 dan dokumen berkaitan tadbir urus organisasi.³⁷ Selain itu, semakan silang terhadap kenyataan informan turut dilakukan bagi memastikan konsistensi maklumat yang diberikan oleh informan daripada institusi yang berbeza. Ia berperanan bagi memastikan penyelidik tidak bias terhadap setiap maklumat yang diperoleh. Langkah-langkah ini membantu memperkukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian sebagaimana yang disarankan dalam penyelidikan kualitatif.

Oleh itu, hasil kepada sesuatu kajian adalah melalui metodologi kajian yang dibuat secara bersistematik. Kajian merangkumi kemahiran, cara berfikir secara kritis, memahami isu yang diketengahkan, menetapkan cara kajian dan mencuba teori untuk menghasilkan kajian tersebut.³⁸ Pemilihan metodologi adalah penting bagi memastikan kajian adalah realistik dan relevan.

1.9 STRUKTUR DISERTASI

Penulisan dalam kajian ini akan dibahagikan kepada lima (5) bab seperti berikut:

BAB I: PENGENALAN

³⁷ John W. Creswell & Vicki L. Plano Clark. 2017. *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Edisi ke-3. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, hlm. 65.

³⁸ Ranjit Kumar. 2011. *Research Methodology*, Sage Publication Ltd, Edisi Ketiga, hlm 1.

Bab ini akan menjelaskan berkenaan dengan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan literatur dan metodologi kajian yang digunakan. Oleh itu, setiap perincian yang dijelaskan dalam bab ini memberi gambaran tentang pemilihan kajian ini dibuat. Seterusnya, penjelasan khusus akan diterangkan dalam bab yang khusus.

BAB 2 : TADBIR URUS PENGURUSAN KUALITI MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Bab 2 menghurai asas-asas syariah dengan merujuk autoritatif syariah iaitu al-Quran, as-Sunnah dan kaedah fiqh. Penekanan kepada sumber muktabar adalah penting bagi memastikan analisis kajian dari perspektif syariah adalah daripada sumber yang sah.

Bab 2 berperanan dalam menjawab objektif pertama kajian ini yang menjelaskan sistem pengurusan kualiti menurut perspektif syariah. Oleh itu, bab ini membincangkan keselarasan sistem pengurusan kualiti dengan prinsip-prinsip syariah sebagaimana yang telah ditetapkan.

BAB 3: PENSIJILAN MS 1900 DARI ASPEK TADBIR URUS DAN UNDANG-UNDANG

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan berkenaan dengan sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah ini melalui pelaksanaan pensijilan MS 1900 dari aspek tadbir urus dan undang-undang. Pelaksanaan pensijilan MS 1900 ini melibatkan agensi seperti JSM, badan pensijilan dan pemohon pensijilan. Bab ini juga akan menjelaskan berkenaan dengan kriteria dan fasa pensijilan bagi rujukan kepada semua pihak yang berkepentingan. Bab ini menjawab objektif kedua kajian ini.

Akta Standard Malaysia [*Akta 549*] yang merupakan undang-undang utama yang dirujuk dalam kajian ini merungkai berkenaan dengan pelaksanaan pensijilan MS 1900 bagi aspek pengawalan tadbir urus dan pematuhan dalam pensijilan tersebut.

BAB 4: ISU DAN CABARAN PENSIJILAN MS 1900 DARI ASPEK TADBIR URUS DAN UNDANG-UNDANG

Bab 4 akan meneliti isu dan cabaran yang timbul daripada pelaksanaan pensijilan MS 1900 dari aspek tadbir urus dan undang-undang. Dari aspek tadbir urus akan mendalami berkenaan dengan cabaran yang berbangkit semasa pelaksanaan dari aspek pemahaman, pengauditan, kesedaran dan pengawalan kepada pematuhan pensijilan MS 1900.

Manakala, dari sudut undang-undang pula, merungkai tahap kuasa yang diberikan bagi proses pengawalan dan pengawasan pematuhan kepada pelaksanaan pensijilan MS 1900. Isu dan cabaran ini akan melihat tentang efektif pelaksanaan pensijilan ini. Perbincangan bab ini adalah hasil dapatan kajian yang dibuat dan ia adalah menjawab objektif ketiga kajian ini.

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

Bab 5 adalah bab yang terakhir dalam kajian ini yang merumuskan hasil analisis dan perbincangan yang telah dibangkitkan dalam bab-bab yang terdahulu. Bab ini memberikan jawapan kepada objektif keempat kajian ini. Melalui jawapan objektif keempat ini akan membantu dalam penyelesaian kepada isu dan cabaran yang telah dibangkitkan melalui beberapa cadangan yang diutarakan.

1.10 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab 1 ini telah menyediakan asas kajian yang signifikan bagi menyokong sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah (MS 1900) melalui aspek tadbir urus dan perundangan ini dibuat. Bab ini juga menjelaskan jurang kajian yang wujud bagi mengukuhkan rasional kajian ini perlu diteruskan dan diterokai oleh penyelidik. Pandangan penyelidik, kajian ini berpotensi untuk menjadi rujukan kepada pihak yang berkepentingan dalam memahami dengan jelas berkenaan dengan situasi tadbir urus dan kerangka undang-undang semasa berkenaan dengan sistem pengurusan kualiti berasaskan syariah ini melalui pensijilan MS 1900. Dalam konteks kajian ini, hala tuju kajian akan dibincangkan secara terperinci dalam bab-bab khusus yang berkaitan.

RUJUKAN

- Al-Quran. Semua terjemahan ayat al-Quran dalam kajian ini berdasarkan kitab tafsir “Tafsir Pimpinan al-Quran Kepada Pengertian al-Quran”, edisi ke-22, Putrajaya, JAKIM, 2013.
- Abd Al-Rahman Taj. 1994. *Al-Siasah Syari'yyah wa Al-Fiqh Al-Islami*. Kaheerah: Maktabah al-Azhariyyah.
- Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don & Muhamad Faisal Asha'ari. 2018. Konsep Hisbah Dan Kepentingannya dalam Pengurusan Hal Ehwal Islam, *Al-Hikmah* 10(1): 58-75.
- Ahmad Fadzli Yusof. 2007. *Mengurus Kerja Berpasukan*. PTS Millenia Sdn. Bhd., Global.
- Ahmad Sarji bin Abdul Hamid. 2022. Good governance in Islam. Dlm. Mohd Sani Badron & Suzana Md Samsusi (eds.). *I Thematic Address: Good Governance In Islam*, hlm. 1. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Aifaa Nabila binti Amir Wardi. 2021. The Implementation of MS1900:2005 Shariah-Based Quality Management System: A Case Study at SIRIM Berhad. *International Journal of Business and Management Invention* 10(1): 55-56.
- Ainul Jaria binti Maidin. 2022. Good governance in Islam. Dlm. Mohd Sani Badron & Suzana Md Samsusi (eds.). *Islamic Principles Of Good Governance In Improving Service Delivery*, hlm 50-51. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. 2010. *al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa. t.th. *Sunan al-Tirmidhi*. Tahqiq oleh Dr. Bashir Awwad Maarof. Jilid 4. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

- Al-Khadimiy. 2001. *'Ilm al-Maqasid al-Shar'iyah*. 1. Maktabah al'Abaykan.
- Al-Qarafi. t.th. *al-Faruq*. jil. 3, 'Beirut; Alam al-Kutub.
- Akta Indudtri Pelancongan 1992 [*Akta 482*].
- Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*].
- Akta Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*].
- Akta Standard Malaysia 1996 [*Akta 549*].
- Akta Universiti dan Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*AUKU 1971*].
- Amal Hayati Ishak & Muhamad Rahimi Osman. 2015. A Systematic Literature Review on Islamic Values Applied in Quality Management Context. *Journal of Business Ethics* 4(1): 4-14.
- Apnizan Abdullah. 2023. The Halal Regulatory Framework In Malaysia Should Be Consolidated: A Proposal. *Islam And Civilisational Renewal*, 423-424.
- Beste Naz Özkan, 2021. Analysing Effects of ISO 9001:2015 Quality Management System On Organizational Communication Structure. *Open Journal of Social Sciences*, 9 (85).
- Bharudin Che Pa, Siti Arni Basir & Shukeri Mohamed. 2010. Pelaksanaan Siyāsah Syar'iyah Dalam Pentadbiran Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun* Bil. 5: 57-60.
- Braun, Virginia & Clarke. 2013. *Successful Qualitative Research: A Practical Guide For Beginners*. Los Angeles: SAGE Publications.
- Chua Yan Piaw. 2014. *Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education, Edisi Ke-2, hlm. 30–31.
- Echour Saida & Nbigui Taibi. 2021. ISO 9001 Quality Approach and Performance Literature Review. *European Scientific Journal*, *European Scientific Journal* 17(1): 133-135.

Edward Sallis. 2002. *Total Quality Management in Education*. Routledge, Edisi Ketiga.

Farihah Maisarah Sofian, Mohd Rafizey Dalin, Maysarah Madzen, Nik Adam Hasyim N. Shahbana, Shannen Lovenia Kamal Singh, Husna Husnul Khotimah Syafie, Mohd Nor Shahizan Ali & Siti Farhannie Mohd Adenan. 2023. Pembangunan Industri Halal: Kajian Perbandingan Prosedur dan Proses Pensijilan Halal dan Pengauditan serta Cabaran dihadapi oleh Malaysia dan Thailand. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 212.

Firman Shakti Firdaus. 2018. Pembentukan Model dan Pembinaan Instrumen Sistem Pengurusan Kualiti Islam, Ph.D Tesis, Universiti Utara Malaysia, hlm. 13.

Firman Shakti Firdaus, Muhammad Nasri Md. Hussain, Mohd Norhasni Mohd Asaad & Rushami Zien Yusoff. 2015. Quality Management Concept Based On Islamic Worldview, *International Academic Research Journal of Business and Technology* 1(2):208.

Economic Impact Of Muslim Tourism And Future Growth, www.standardsalam.org. (25 Mei 2025).

Global Economic Impact Of Muslim Tourism And Future Growth, www.standardsalam.org (15 Mei 2025).

Hasan Al- Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani & Siti Arni Basir. 2013. Sistem Pengurusan Islam yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti dan Cabaran Masa Hadapan. *GJAT* 3(1):67-84.

Hasan Al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani & Siti Arni Basir. 2014. Sistem Pengurusan Kualiti Menurut Perspektif Islam MS 1900 di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Suatu Cabaran Masa Kini. *GJAT* 4(2): 101-105.

Hasan Al-Banna Mohamed, Ab Mumin Ab Ghani & Siti Arni Basir. 2015.

Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Sainifik. *Jurnal Syariah* 23(1): 31.

Hasan Al-Banna Mohamed, Ab. Mumin Ab. Ghani, Siti Arni Basir, Sharifah Hayaati binti Syed Ismail & Ilhamie binti Ab. Ghani Azmi. 2016. *Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syariah MS1900: Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Ke Arah Pengurusan Berkesan dan Inovatif*. Kuala Lumpur: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Hasan Al-Banna Mohamed, Azmi Ahmad, Wan Norhasniah Wan Husina, Siti Arni Basir, Burhanuddin Jalala, Mohd Hamran Mohamad & Sayuti Ab Ghani. 2020. Hubungan Antara Penghayatan Nilai Integriti Dengan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS1900 Di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Malaysia: *Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 4: 37-40.

Hasan al- Banna, Azmi bin Ahmad, Norashikin binti Sahol Hamid, Siti Arni Basir & Ihaamie Abdul Ghani Azmi. 2022. Nilai Mengutamakan Pelanggan Dalam Kalangan Kakitangan Di IPTS: Satu Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Piawaian MS 1900. *Online Journal Of Islamic Management And Finance* 2(2):24-31.

Hasan Al-Banna Mohamed, Siti Arni Basir, Elmi Baharuddin , Rayyan Cheong Tian Ming Abdullah & Mahazan Abdul Mutalib@Taib. 2025. Faktor Kritikal Pelaksanaan Sistem Pengurusan Halal (MS1900) Dalam Institusi Pengajian Tinggi Selepas Pasca Pendemik Covid-19. *International Journal Of Modern Education* 7(24): 92.

Hassan Al- Banna Mohamed, Siti Arni Basir, Noor Azmi Mohd Zainol, Mohd Hamran Mohamad & Norashikin Sahol Hamid. 2021. Cabaran Kelestarian Pelaksanaan Piawaian MS 1900 (Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan syariah) Di Kolej Komuniti Malaysia, *Al-Hikmah* 13(2): 35-61.

Hasan Al-Banna Mohamed, Ummul Fahri Abdul Rauf, Wan Yusmawati Wan Yusoff & Norzaura Abd Rahman. 2024. Cabaran Kelestarian Dalam Pelaksanaan Piawaian Sistem Pengurusan Kualiti: Satu Pengalaman Di Sebuah Universiti Berfokus. *Journal of Business and Social Development* 12(1) 19-28.

<https://cqa.upm.edu.my/> [2019] ms 12 (29 September 2025).

<https://scirosh.usim.edu.my/audit-pemantauan-iso-ms90012015-19002014-syariah/> (11.12.2025).

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1353164/pembekal-sandwic-ham-di-um-didakwa-guna-logo-halal-palsu> (24 Januari 2025).

<https://www.iso.org/standard/62085.html>(24 September 2025).

<https://myehalal.halal.gov.my/portal-halal/> (12 Disember 2025 dan 23 Disember 2025).

<https://www.sinarharian.com.my/article/231497/berita/nasional/atomy-malaysia-miliki-dua-sijil-halal>.(12 Mei 2025)

<https://www.sirim.my/services/inspection/inspection-services> (23 September 2025).

<https://www.smeinfo.com.my/pensijilan/jenis-jenis-pensijilan/> (23 Disember 2025)

Ibn-‘Ashur. 2004. *Maqasid al-Shari’ah al-Islamiyyah*, jil. 2. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Shu’un al-Islamiyyah.

Ibn-Manzur.1993. *Lisan al-‘Arab*. ed. 3. jil. 8. Bayrut: Dar Sadir.

Ibn Taymiyyah. 2000. *Al-Siyâsah al-Shar‘iyyah fî Islah al-Ra‘i wa al-Ra‘iyyah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Ilhamie binti Abdul Ghani Azmi. 2022. Pengurusan Kualiti Menyeluruh

(TQM): Satu Perbandingan Antara Prinsip Konvensional Dan Islam, *Jurnal Syariah* 10(2): 76-77.

Ilza Febrina & Budiman Abdulah. 2024. Hisbah in the Context of Shariah Governance in Islamic Finance: A Comparison Between Indonesia and Malaysia. *Jurnal Ilmiah Manajemen Kesatuan* 12(6):2458-2459.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2019. *Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Standard Malaysia. 2005. *Malaysian Standard: Quality Management Systems – Requirements from Islamic Perspectives (MS 1900:2005)*, Jabatan Standard Malaysia, hlm. 1-33.

Jabatan Standard Malaysia. 2025. *Malaysia Standard Shariah-Based Quality Management System -Requirements*, Jabatan Standard Malaysia, hlm. i-80.

Jabatan Standard Malaysia. 2014. *Malaysia Standard 1900:2014, Shariah-Based Management Systems- Requirements with Guidance (First Revision)*, Jabatan Standard Malaysia, hlm. i-20.

Jabatan Standard Malaysia. 2019. *Malaysian Standard on Halal Food 1500:2019: Halal Food, Genral Requirements*, Jabatan Standard Malaysia. Jabatan Standard Malaysia, hlm. ix-15.

John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, Thousand Oaks: Sage Publications, Edisi Keempat, 2014.

John W. Creswell & Vicki L. Plano Clark. 2017. *Designing and Conducting Mixed Methods Research* Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, . Edisi ke-3.

Khatijah Othman. 2013. A Brief Overview on Islamic Compliance Quality Management System, *International Journal of Management Sciences and Business Research* 2(12):138-142.

Lokman Abdul Rasol dan Ruzaimin Mohd Zelani. 2016. Pengurusan Kualiti Islam: Analisis dari Perspektif Model. *KONAKA, Konferansi Akademik*, Universiti Teknologi Mara, hlm. 495.

Majma‘al-Lughah al-‘Arabiyyah. Al-Mu‘jam al-Wasīṭ. 1967. Kaherah: Maktabah al-Syuruq al-Duwaliyyah, Edisi Kedua.

Mariah Darus @ Mat Junus, Nur Khairina Muhamad Husin, Noor Hanis Zainol Abidin, Nur Rusedina Khadzali & Marfunizah Ma’dan. 2024. Ethical Governance Through Maqasid Shariah Perspective: A Conceptual Framework. *International Journal Of Academic Research in Bussiness & Social Sciences* 14 (10): 920-231.

Masitah Idris, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Nozira Salleh. 2010. Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam. *International Journal of Islamic Thought* 15: 68.

Mohd Asri Husain, Bagaimana Jabatan Standard Malaysia Mempromosikan Standard dan Akreditasi kepada Masyarakat Malaysia, *Akademia*, 2.

Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: DBP.

Muhammad ibn Ismail, Al-Bukhari. 1997. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muhammad Firdaus Zakaria, Siti Arni Basir & Osman Md Rasip. 2019. Faedah Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah Di Darul Quran, JAKIM. Seminar Tamadun Etnik dan Turath. Penganjur Universiti Malaya. 18-19 Jun.

Muhammad Hisyam Mohamad. 2024. Key Elements of Risk Management in Islamic Quality Management System: An Analysis on MS 1900:2014 Standard TAFHIM: IKIM, *Journal of Islam and the Contemporary* 17(1): 151-169.

Muhammad Hisyam Mohamad & Fadilah Mansor. 2018. A Conceptual Study on Shariah Compliance on Risk Mitigation of MS 1900- Certified Companies TAFHIM: IKIM, *Journal of Islam and the Contemporary World* 11: 121-131.

Muhammad Ibn 'Isa al-Tirmizi. 1998. *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muhamad Faisal Bahari, Mohd Rizal Muwazir, Kualiti Perkhidmatan Menurut Perspektif Islam [2019] <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-20.pdf>. ms. 12 (29 September 2025).

Muhammad Umar Riaz Abbasi. 2022. A Conceptual Framework For Management In The Light Of Islamic Perspective: An Analytic Study. *Pakistan Journal of Islamic Philosophy* 4(1):36-42.

Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali ke 120 yang bersidang pada 26 Ogos 2022.

Nasser Al-Salmani, Everard A. Van Kemenade & Teun W. Hardjono. 2015. A Quality Management Approach from an Islamic Perspective, International Academy for Quality Conference, Hungary, October.

Nik Rosnah binti Wan Abdullah. 2022. Good governance in Islam. Dlm. Mohd Sani Badron & Suzana Md Samsusi (eds.). *Good Governance: Malaysia, How Are We Doing?* hlm. 13-21. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Noor Shuhadawati Mohamad Amin, Noriah Ramli & Majdah Zawawi.2023. Harmonising International Legal Frameworks And Shariah Principles In The Context Of Medical Tourism: An Analysis. *IIUM Law Journal* 31(2): 78.
- Nuraisyah Chua Abdullah. 2018. *Legal Research Methodology*, Sweet & Maxwell. Selangor : Thomson Reuters Asia Sdn. Bhd.
- Nur Fatin Nabilah Shahrom & Siti Arni Basir. 2021. Kepentingan Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syariah MS 1900: Pelaksanaan Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka (SPK MS 1900. *Journal of Shariah Law Research* 6(11): 111-121.
- Nursyakirah Hazban & Zaini Nasohah. 2023. Penguatkuasaan Undang-Undang Status Halal Premis Makanan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities* 8(2): 8.
- Osman Chuah Abdullah. 2012. Conceptual Framework Of Good Management From The Islamic Perspective. *International Journal Of Business And Management Studies* 4(2):193.
- Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. 2022. Perintah Perihal Dagangan (Takrifan Halal) 2011 [P.U. (A) 430/2011].
Perlembagaan Persekutuan.
- Prof. Dr. Abd Jalil Borham, Konsep Siyasa Syar`iyyah Dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia, Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasa Syar`iyyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu Dan Cabaran, Anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) Pada 21hb. Februari, 2013 di Auditorium Pujangga KUIM, Melaka.
- Rabiatu Adawiah binti Saat, Iqlima binti Ibrahim, Nur 'Izzati binti Mohd Salleh & Nurul Aida Binti Zuber, Maqasid Syariah Dalam Urus-Tadbir, ms. 6. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-20.pdf>.(9 Disember 2025).

- Ranjit Kumar. 2011. *Research Methodology*, Sage Publication Ltd, Edisi Ketiga.
- Ramlan Mustapha & Ghazali Darusalam. 2022. *Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan Dalam Penyelidikan Kontemporari*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Sadri Salikhovich Kuzakbirdiev. 2022. Implementation Of Law As A Factor Of Ensuring The Legal Security Of Modern Society, EuRo-Asian Law Congress 2021. SHS Web of Conferences.
- Shaharom Md Shariff, Shahimi Mohtar & Roslan Jamaludin. 2021. A Practical Journet in Implementing a Shariah Compliant Hospital: An Nur Specialist Hospital's Experience. *International Medical Journal Malaysia* 17(2):183.
- SIRIM QAS International, Guidelines For Certification [2019] <https://www.sirim-qas.com.my>. ms 5 (23 Julai 2025).
- Siti Arni Basir & Ilhaamie Abd. Ghani Azmi. 2011. Malaysian Islamic Quality Management System MS1900 From An Islamic Perspective: An Implementation Model. *Jurnal Syariah*, Jil. 19(2): 85-106.
- Siti Arni Basir, Hasan Al-Banna Mohamed, Aizan Ali@Mat Zin & Burhanuddin Jalal. 2022. Impak Faktor Insaniyyah dalam Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900: Kajian di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 50 (1): 124- 136.
- Siti Arni Basir, Muhammad Firdaus Zakaria & Hassan Al-Banna Mohamed. 2021. Pencapaian Maqasid syariah Melalui Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900: Kajian Kes Di Pusat Zakat Melaka. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 18(2): 41-43.

Siti Arni Basir, Muhammad Firdaus Zakaria & Hasan Al-Banna Mohamed. 2021. Kajian Kualitatif, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 18(2):41.

Sophian Rambli, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Azaruddin Awang, Azman Che Mat & Ahmad Faizal Ramly. 2022. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Serta Kerjasama Strategik Agensi Islam Terpilih Dalam Pengurusan Akidah Melalui Pendekatan Al-Hisbah Di Masa Pendemik Dan Wabak Covid 19 Di Malaysia. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development* 7(43): 222-225.

Stephanie Jilmakers, The International Organization for Standardization, A Seventy-Five Year Journey Toward Organizational Resilience, Online Cambridge University Press: 27 July 2023 <https://www.cambridge.org/core/books> (7 Jun 2025) ms. 61.

Tuan Sidek & Ismail. 2021. Membudayakan Cara Membuat Keputusan Berteraskan Maqasid Syariah Dalam Pengurusan Organisasi Islam *International Journal Of Humanities Technology And Civilization* 6(2):10.

Ummi Salwa Ahmad Bustamam, Hasrin Abu Hassan & Hisham Sabri. 2025. Incorporating the Shariah-Based Quality Management Standard MS1900:2014 Into Cooperatives: Another Growth Strategy? *Journal of Entrepreneurship and Business* 13(1): 97-122.

Wan Zulkifli Wan Hassan,, Sadd al-Dharâ'i' Dalam Memelihara Agama dan Kaitannya Dengan Asas Keharmonian Hubungan Etnik, ms. 50. <https://journalarticle.ukm.my/1067/1/1.pdf>. (9 Disember 2025).

www.islam.gov.my (20 Mei 2025).

www.jsm.gov.my (2 Julai 2025).

www.sirim-qas.com.my (11 dan 15 Julai 2025)

www.sprm.gov.my (2 Mei 2025).

Yusuf Qardhawi. 1997. *Madkhal li Addirasati Asy-Syari'ah al-Islamiyah*.
Beirut: Muassasah al-Risalah.



LAMPIRAN A
SENARAI NAMA INFORMAN

BIL	TARIKH TEMU BUAL	NAMA INFORMAN	JAWATAN
1.	9 Julai 2025	Tuan Mohammad Hamidi bin Yusof	Pengarah Pemasaran, Komersial dan Teknologi Maklumat, SIRIM QAS <i>International</i> .
2.	17 Julai 2025.	YA Tuan Salehan bin Yatim	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Jabatan Kehakiman syariah Selangor/
3.	6 Ogos 2025	Puan Zuraini binti Yahaya	Pengarah Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM, Putrajaya.
4.	19 Ogos 2025	Puan Fakheezah binti Borhan	Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Standard, Jabatan Standard Malaysia, Selangor.
5.	27 Ogos 2025.	Mahyiddin bin Shari@Aziz,	Pengarah Bahagian Halal, JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya, Putrajaya.
6.	10 September 2025.	Fara Azida binti Ahmad Bakri	Ketua Unit Muamalat dan Naziran, Bahagian syariah dan Pengharmonian Undang-Undang Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.